

Pertanian Afrika Selatan boleh dicontohi

Ternakan kambing Boer antara projek berpotensi tingkat pendapatan petani kita

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan RM1.8 bilion iaitu 50 peratus daripada RM3.8 bilion peruntukan dalam Bajet 2007 untuk memajukan bidang pertanian, selaras hasrat menjadikannya nadi ketiga terpenting kepada ekonomi negara. Serentak itu, pelbagai program disusun termasuk berkongsi pengalaman dengan negara lain yang maju dalam bidang pertanian untuk memodenkan sektor itu.

Terbaru, kementerian itu mengadakan lawatan ke Afrika Selatan bermula 23 Februari dan berakhir 6 Mac lalu bagi meninjau peluang yang ada dalam sektor pertanian terutama penternakan dan bioteknologi.

Dalam lawatan 11 hari itu, delegasi kementerian yang diketuai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin melawat beberapa ladang ternakan dan pusat pembiakan baka kambing dan lembu untuk meninjau keperluan serta mengutip pengalaman bagi membolehkan sektor penternakan di Malaysia dapat dimajukan seterusnya memberikan nilai tambah kepada penternak.

Lawatan berkenaan dimulakan dengan mesyuarat antara kedua negara, yang mencapai kata sepakat supaya hubungan keduanya dalam bidang pertanian diperkukuhkan. Kedua-dua negara bersetuju draf memorandum persefahaman (MoU) disejajarkan supaya ia boleh dimeterai pertengahan tahun ini. Draf MoU itu kini pada peringkat akhir dan di semak Pejabat Peguam Negara sebelum dapat dibentangkan ke Kabinet tidak lama lagi.

Muhyiddin yang ditemui selepas pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Tanah Afrika Selatan, Lulu Xingwana, berkata selepas perjanjian ini dimeterai, ia diharap dapat menubuhkan jawatankuasa kumpulan kerja bagi setiap satu sektor dalam bidang pertanian. "Mungkin selepas ini mesyuarat kedua-dua negara dilakukan secara bergilir-gilir," katanya.

Apa yang dicapai itu dilihat setapak ke hadapan kerana Malaysia boleh belajar daripada Afrika Selatan yang lebih maju dalam sektor pertanian. Malah, negara yang lebih 10 tahun bebas daripada dasar Apartheid ini, menjadikan pertanian sektor utama dan penting kepada pertumbuhan ekonomi negaranya.

Afrika Selatan dikenali sebagai negara

Pengalaman dapat diambil di Afrika Selatan

- Kualiti kambing yang dihasilkan di Afrika Selatan jauh lebih baik berbanding negara lain.
- Malaysia berminat dan mahu belajar daripada Afrika Selatan bagi menghasilkan baka kambing dan lembu bermutu tinggi.
- Mendapatkan bantuan persatuan di Afrika Selatan bagi memastikan ternakan yang diimport terutama kambing Boer mematuhi piawaian.
- Di Afrika Selatan kebanyakan penternak mempunyai pusat penyelidikan dan pembangunan baka mereka sendiri.
- Membuka mata Malaysia bagi pengendalian pasar borong yang memasarkan hasil pertanian negara.

pengeluar baka utama kambing Boer dunia kerana kambing jenis itu berasal dari sana bukannya Australia. Malah, kualiti kambing yang dihasilkan juga jauh lebih baik berbanding negara lain terutama bagi kambing jenis Dopper dan Moreno.

Berdasarkan fakta itu, Malaysia berminat dan mahu belajar daripada Afrika Selatan bagi menghasilkan baka kambing dan lembu bermutu tinggi seterusnya mengeluarkan sendiri daging kambing dan lembu tanpa bergantung kepada import. Ketika ini, pengeluaran daging kambing tempatan yang tidak sampai 10 peratus, manakala 20 peratus bagi daging lembu tempatan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan mensasarkan peningkatan pengeluaran daging lembu sehingga 45,000 tan dan daging kambing/bebiri 2,300 tan. Bagi tujuan itu, lawatan kementerian ke Afrika Selatan kali ini lebih menumpukan kepada sektor penternakan kambing dan lembu. Selain lawatan ke kawasan ladang ternakan dan pusat penyelidikan baka, rombongan kementerian turut mengadakan perjumpaan dengan persatuan penternak kambing. Hasilnya, kedua-dua pihak mahu mengikat perjanjian kerjasama.

Perjanjian itu lebih kepada kementerian mendapatkan bantuan persatuan bagi memastikan ternakan yang diimport terutama kambing Boer mematuhi piawaian dan protokol ditetapkan kedua-dua negara dan antarabangsa. Secara tidak langsung, persatuan itu memberi jaminan hanya mereka yang menjadi anggota persatuan saja dibenarkan lesen untuk mengimport kambing Boer ke Malaysia serta memastikan ia selamat, berkhasiat dan berkualiti sebelum masuk ke negara ini.

Lawatan itu juga membuka mata kementerian mengenai bidang penghasilan baka kambing dan lembu yang baik. Di Afrika Selatan kebanyakan penternak mempunyai pusat penyelidikan dan pembangunan baka mereka sendiri. Pembiakan baka yang paling banyak dilakukan adalah menerusi teknik pembiakan menerusi pemindahan embrio (ET) dan pernian berhadas (AI) yang dilihat mampu menambah biak ternak dengan lebih cepat dan kurang risiko kematian.

Serentak itu, kerajaan memutuskan untuk membangunkan pusat pemindahan embrio di Serdang, Selangor yang dikendalikan Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (Mardi). Malaysia akan mengembangkan teknik ET dan AI kepada penternakan tempatan selaras dengan usaha menambah jumlah populasi kambing dan lembu dalam RMK-9 bagi mengurangkan pergantungan kepada import.

Sebenarnya, Malaysia sudah menggunakan ET tetapi kini ditingkatkan lagi kemahiran kepakaran dalam bidang itu supaya hasilnya lebih baik dan baka dihasilkan lebih berkualiti.

Selain itu, Muhyiddin mengumumkan JPH dan Mardi akan menghantar pegawai veterinar dan penyelidik untuk belajar mengenai ET dan AI di pusat penyelidikan ternakan di Afrika Selatan supaya sektor ternakan terutama kambing dan lembu dapat berkembang lagi.

"Kita perlu teknik baru dalam pembiakan ternakan dan bukan hanya bergantung kepada pembiakan semula jadi. Dengan ada teknologi ini, kita boleh menambah biak baka dan ternakan kambing dan lembu selaras dengan dasar menambah populasi ruminan negara," katanya.

Dalam RMK-9, kementerian ini memperuntukkan bajet untuk sektor penternakan bagi membangunkan projek Pusat Pem-

biakan Baka Kambing Boer Negara yang akan diusahakan di Pusat Ternakan Haiwan Pondok Tanjung, dekat Taiping, Perak. Projek itu sudah dimulakan dan kini kementerian berusaha membangunkan ladang nukleus dengan tumpuan diberikan bagi menggunakan teknologi untuk menambah biak ternakan dan sebagai permulaan sebanyak 200 hingga 500 kambing hidup diimport ke Malaysia.

Sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi tujuan berkenaan dan pusat itu nanti bakal menjadi projek perintis bagi membantu pengusaha membangunkan ladang ternakan sendiri. Menerusi ladang nukleus itu, JPH akan memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar serta perkhidmatan sokongan kepada penternak terpilih yang bakal ditawarkan tidak lama lagi dengan konsep pajak tapak dilaksanakan.

Selain itu, lawatan berkenaan membuka mata Malaysia bagi pengendalian pasar borong yang memasarkan hasil pertanian negara dengan kementerian berminat mengguna pakai sistem pengurusan pasar borong yang dikendalikan pihak berkuasa tempatan di Afrika Selatan untuk disesuaikan dengan konsep Terminal Makanan Negara (Teman) yang dikendalikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Teman ialah projek pembangunan prasarana pasaran moden yang menghubungkan rangkaian pengeluar dan pembekal kepada pengguna akan dilaksanakan tahun ini dan dijangka berakhir sehingga tempoh RMK-9. Idea di sebalik pelaksanaannya adalah untuk memodenkan pusat pemborongan hasil pertanian dan industri asas tani melalui kaedah lebih cekap dan sistematik.

Secara keseluruhannya, lawatan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ke Afrika Selatan dilihat dapat dimanfaatkan bagi membantu mempercepatkan lagi program sektor penternakan dan perkhidmatan pertanian seterusnya menjadikan hasrat untuk melihat sektor ini menjana ekonomi negara berjaya dicapai dalam RMK-9.

Apa yang penting kini, semua keputusan yang dibuat daripada lawatan ini perlu disejajarkan dan dipantau oleh kementerian supaya ia tidak akan menjadi program 'gajah putih' dan hanya hangat pada permulaan tetapi gagal memberikan hasil seperti ditetapkan. Gembleng tenaga dan usaha daripada penternak dan petani serta agensi di bawah kementerian amat penting supaya semua yang dirancang terlaksana.